



كِرَاءَانِ نَكْرِي قِيحْ بِنَا اَلْاَمَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010

Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910

04-774 4643/ 04-733 8717

E-mail : pbnk@kedah.gov.my

**Kedah**  
Malaysia  
where it all began

Ruj. Kami: PPNK.BN.400/3/15(11)

Tarikh : 08 Syaaban 1441H

02 April 2020

Semua Pegawai Pengawal  
Jabatan Kerajaan Negeri

Y.B. Dato' Paduka/ YB Dato'/YAA Dato'/Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN PERUBAHAN GAJI BERKAITAN PENANGGUHAN PEMBAYARAN  
BALIK PINJAMAN (MORATORIUM) SECARA AUTOMATIK SELAMA 6 BULAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan selaras dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 berkaitan penangguhan pembayaran balik pinjaman (moratorium) selama enam bulan, perubahan gaji bagi memberhentikan potongan gaji kakitangan yang terlibat akan dilaksanakan seperti berikut;

BIL	KOD POTONGAN	AGENSI / BANK	KAEDAH PERUBAHAN	BULAN PERUBAHAN
1.	9999	ANGKASA	Perubahan melalui data potongan yang akan di kemukakan oleh agensi kepada BN – tiada tindakan yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan/PTJ	April
2.	4162	Malaysian Building Society Berhad (MBSB)	Perubahan melalui data potongan yang akan di kemukakan oleh agensi kepada BN – tiada tindakan yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan/PTJ	April
3.	2391	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	Perubahan melalui data potongan yang akan di kemukakan oleh agensi kepada BN – tiada tindakan yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan/PTJ	April
4.	4142	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	Kew 320 – dilaksanakan oleh Jabatan / PTJ	Mei
5.	4156	Bank Simpanan Nasional (BSN)	Kew 320 – dilaksanakan oleh Jabatan / PTJ	Mei
6.	4151	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	Kew 320 – dilaksanakan oleh Jabatan / PTJ	Mei
7.	4148	Public Bank	Kew 320 – dilaksanakan oleh Jabatan / PTJ	Mei



8	Berdasarkan kod potongan	Lain-lain potongan yang diberi moratorium.	Kew 320 – dilaksanakan oleh Jabatan / PTJ	Mei
---	--------------------------	--	---	-----

3. Bagi potongan pinjaman agensi seperti di bilangan 1, 2 & 3 di atas, perubahan potongan (pemberhentian potongan) akan dilaksanakan secara *auto* mulai gaji bulan April 2020 selepas proses "*upload*" maklumat potongan gaji agensi berkenaan dilaksanakan oleh Perbendaharaan Negeri Kedah. Manakala bagi pinjaman seperti dibilangan 4 - 8 potongan gaji akan masih berjalan pada bulan April. Walau bagaimanapun amaun yang dipotong dari gaji bulan April, akan dikreditkan ke akaun bank gaji kakitangan yang berkaitan secara berasingan pada 24 April 2020.

4. Untuk makluman YB Dato' Paduka/YAA/YBhg. Dato'/Tuan/Puan, pemberhentian potongan bayaran balik pinjaman kepada bank-bank seperti di bilangan 4 – 8 hendaklah dilaksanakan melalui perubahan Kew.320 yang akan dilaksanakan oleh Jabatan/PTJ masing-masing pada bulan Mei 2020 mengikut jadual tarikh perubahan gaji yang telah ditetapkan sepertimana Pekeliling berkaitan Tarikh Pembayaran Gaji/ Elaun Kerabat/ Pencen (ADUN) bagi tahun 2020 bertarikh 10 Disember 2019.

5. Selepas tempoh penangguhan (moratorium) tamat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YB Dato' Paduka/YAA/YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk membuat potongan semula bayaran balik pinjaman kepada bank-bank di bilangan 4 – 8 melalui perubahan gaji Kew.320. Bagi pinjaman dengan agensi seperti di bilangan 1, 2 & 3 maklumat potongan semula gaji akan dikemukakan oleh agensi berkenaan kepada Perbendaharaan Negeri dan potongan akan dilaksanakan secara "*auto*" selepas proses "*upload*" data potongan diproses.

6. Kerjasama YB Dato' Paduka / YB Dato'/YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**'KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NAZHATUN BINTI MD. REJAB, AMK., c.A.(M))**  
 Bendahari Negeri,  
 b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman